



MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH

JAWATAN KOSONG

- A. Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia dan keutamaan diberikan kepada anak Negeri Melaka yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan bagi jawatan berikut:-

BIL	JAWATAN	JADUAL GAJI	KENAIKAN GAJI TAHUNAN	BIL KEKOSONGAN
1.	PEGAWAI PENGUATKUASA GRED KP41	RM2,081.00 – RM9,547.00 ITKA - RM300.00 ITP - RM300.00 BANTUAN SARA HIDUP - RM250.00	RM225.00	1 (KONTRAK)
2.	PEMBANTU KESIHATAN AWAM GRED U19	RM1,360.00 – RM4,052.00 ITKA - RM115.00 ITP - RM300.00 BANTUAN SARA HIDUP - RM300.00	RM100.00	2 (KONTRAK)
3.	PEMBANTU OPERASI GRED N11	RM1,216.00 – RM2,983.00 ITKA - RM95.00 ITP - RM300.00 BANTUAN SARA HIDUP - RM300.00	RM80.00	1 (KONTRAK)
4.	PEMANDU KENDERAAN GRED H11	RM1,218.00 – RM2,939.00 ITKA - RM95.00 ITP - RM300.00 BANTUAN SARA HIDUP - RM300.00	RM80.00	1 (KONTRAK)

B. SYARAT LANTIKAN JAWATAN

JAWATAN 1 – PEGAWAI PENGUATKUASA GRED KP41

1. SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- warganegara Malaysia;
- berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

- (c) (i) Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP41: RM2,081.00); atau
- (ii) Bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Inspektor Polis atau Leftenan Muda atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik;
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP41: RM2,081.00); atau
- (iii) Ijazah Sarjana Muda Kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP41: RM2,285.00); atau
- (iv) Ijazah Sarjana Muda Undang-undang yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP41: RM2,387.21).
- (d) Mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti berikut:
- (i) Tinggi sekurang-sekurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53 m bagi wanita tanpa sepatu;
 - (ii) Berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
 - (iii) Mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
 - (iv) Mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
 - (v) Lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
 - (vi) Pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
 - (vii) Diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan berdaftar.

2. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

- 3. Taraf Jawatan : Kontrak
- 4. Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan Dan Profesional
- 5. Klasifikasi Perkhidmatan : Keselamatan Dan Profesional

JAWATAN 2 – PEMBANTU KESIHATAN AWAM GRED U19

1. SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

- (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Kelayakan lantikan untuk kegunaan di Pihak Berkuasa Tempatan).
(Gaji permulaan ialah pada Gred U19: RM1,360.00; atau
- (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Serta Sijil Pembantu Kesihatan Awam yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred U19: RM1,418.12).

2. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3. Taraf Jawatan : Kontrak
4. Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
5. Klasifikasi Perkhidmatan : Perubatan Dan Kesihatan

JAWATAN 3 – PEMBANTU OPERASI GRED N11

1. SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) (i) Pentaksiran Tingkatan Tiga/ Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N11: RM1,216.00); atau
- (ii) Pentaksiran Tingkatan Tiga/ Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan memiliki lesen memandu Kelas B2/B/D/E2/E1/E yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali Lesen Memandu Percubaan(P)]
(Gaji permulaan ialah pada Gred N11: RM1,262.15).

2. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/ Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3. Taraf Jawatan : Kontrak
4. Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
5. Klasifikasi Perkhidmatan : Pentadbiran Dan Sokongan

JAWATAN 4 – PEMANDU GRED H11

1. SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) (i) Pentaksiran Tingkatan Tiga/ Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
- (ii) Lesen memandu Kelas D/E/E1/E2/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)]; dan
- (iii) Kebolehan memandu, mengendali dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini.

Gaji permulaan Gred H11 ditetapkan mengikut Kelas Lesen Memandu:

- Lesen D : RM1,264.15
- Lesen E/ E1/ E2 : RM1,310.30
- Lesen F/ H : RM1,356.45
- Lesen G/ I : RM1,402.60

2. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/ Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

- 3. Taraf Jawatan : Kontrak
- 4. Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
- 5. Klasifikasi Perkhidmatan : Kemahiran

C. CARA-CARA MEMOHON :

1. Permohonan adalah secara *online* melalui portal permohonan kerja Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) portal.mpag.gov.my/emohon/. Anda hanya perlu mendaftar masuk sebagai pengguna dan terus *login* ke borang permohonan.
2. Pastikan anda telah melengkapkan borang permohonan *online* dengan maklumat yang betul dan juga mengikuti syarat yang diberikan sebelum menghantar permohonan.
3. Semua permohonan hendaklah disertakan dengan salinan sijil-sijil persekolahan, kad pengenalan, sijil kelahiran, gambar terkini berukuran pasport dan lain-lain dokumen sokongan yang telah disahkan. Sijil dan dokumen sokongan berkaitan hendaklah dimuatnaik dengan ukuran tidak melebihi 2MB.
4. Ijazah/ Diploma/ Sijil yang diberi pengiktirafan oleh Kerajaan Malaysia sebelum Januari 2017 boleh disemak menerusi Sistem Pengiktirafan Kelayakan Perkhidmatan Awam (eSisraf) melalui capaian <https://app.mohe.gov.my/iktiraf/semasakan.php>, manakala Program yang diberi pengiktirafan Kerajaan mulai Januari 2017, boleh disemak pada Daftar Kelayakan Malaysia (Malaysia Qualifications Register, MQR) melalui capaian <http://www2.mqa.gov.my/mqr/> dan melampirkannya bersama borang permohonan.
5. Pegawai-pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat (Tetap dan Kontrak) hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan dan melampirkan Kenyataan Perkhidmatan yang telah dikemas kini beserta Laporan Penilaian Prestasi.

D. TARikh IKLAN DIBUKA : 1 FEBRUARI 2023 (RABU)

TARikh IKLAN DITUTUP : 8 FEBRUARI 2023 (RABU)

E. CATATAN AM :

1. Permohonan hendaklah sampai ke MPAG sebelum/ pada tarikh tutup. Selepas dari tarikh tersebut permohonan anda tidak akan diterima.
2. Hanya calon-calon yang berkelayakan selepas ditapis dan didapati sesuai sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
3. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap sebagai tidak berjaya.
4. Pihak Majlis Perbandaran Alor Gajah berhak memilih mana-mana calon yang difikirkan layak dan bersesuaian. Keputusan adalah **muktamad**.
5. Keutamaan akan diberikan kepada **calon yang mempunyai kemahiran dan berpengalaman dengan jawatan yang dipohon**.
6. Pihak Majlis tidak akan bertanggungjawab atau menanggung segala perbelanjaan berkaitan dengan temuduga.



Pengesahan Iklan:

(RADZYMA BINTI MAHAT)
Pengarah Pengangkuasa
b.p Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Alor Gajah